



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN LUAR NEGERI, MALAYSIA

UNTUK SIARAN SERTA-MERTA

BANTUAN KEMANUSIAAN KEPADA MANGSA-MANGSA GEMPA BUMI MELALUI TABUNG BENCANA KEMENTERIAN LUAR NEGERI (TBKLN)

Bagi meringankan beban mangsa-mangsa bencana gempa bumi yang melanda Turkiye, Syria dan negara-negara sekitar, Kementerian Luar Negeri (KLN) melancarkan kempen sumbangan kemanusiaan melalui Tabung Bencana Kementerian Luar Negeri (TBKLN) bermula 10 sehingga 23 Februari 2023.

TBKLN yang telah ditubuhkan pada 2006 adalah bertujuan untuk mengumpul serta menyelaraskan sumbangan daripada orang awam di Malaysia bagi membantu mangsa-mangsa bencana alam di luar negara. Atas keprihatinan dan semangat Malaysia Madani, usaha murni ini diteruskan lagi dengan mengumpul dana sumbangan kemanusiaan bagi membantu mangsa-mangsa gempa bumi yang terkesan.

Sehubungan itu, KLN mengalu-alukan orang ramai, kumpulan korporat dan perniagaan serta badan bukan kerajaan (NGO) untuk menyalurkan sumbangan melalui TBKLN. Sumbangan yang dibuat adalah layak dituntut sebagai potongan cukai pendapatan di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967. Maklumat mengenai TBKLN adalah seperti berikut:

Nama Akaun : **Tabung Bencana Kementerian Luar Negeri**
Nama Bank : **Affin Islamic Bank Berhad, Cawangan Putrajaya**
Nombor Akaun : **1054 9000 0599**

Bagi tujuan rekod dan pengeluaran resit, sila nyatakan butiran sumbangan anda melalui pautan <https://tinyurl.com/yck9tnen> atau mengimbas kod QR di bawah. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada Sekretariat TBKLN melalui emel tbkln@kln.gov.my.



PUTRAJAYA
10 Februari 2023



WISMA PUTRA